

Amaran angin kencang, laut bergelora kategori kedua

KUALA LUMPUR 26 Dis. - Jabatan Meteorologi hari ini mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua yang melanda kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Samui, Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan dijangka berterusan sehingga 3 Januari ini.

Jabatan itu menerusi laman web di alamat <http://www.met.gov.my> hari ini memaklumkan, angin ken-

cang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam dan ombak setinggi sehingga 4.5 meter juga dijangka berlaku di perairan berkenaan dalam tempoh tersebut.

Sehubungan itu, menurut jabatan berkenaan, kawasan pantai di Kelantan dan Terengganu terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut dan keadaan angin kencang dan laut bergelora, berbahaya kepada

semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

“Angin kencang kategori pertama dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak setinggi sehingga 3.5 meter juga dijangka berlaku di kawasan perairan Pahang, Johor Timur, Tioman, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat, Kudat dan Sandakan), WP Labuan, Sarawak, Bunguran, Reef South dan Sulu.